



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU**

MPP 3

SPM 2026

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

BAHAGIAN A : KARANGAN RESPONS TERTUTUP / TERHAD

BAHAGIAN A
[30 markah]

I . Contoh format penulisan komen :

T	menepati tugas
I	relevan, huraian jelas
B	gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
P	menarik dan berkesan

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah menghindari penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja.

Panjangnya karangan anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

1. Kehendak / tugas soalan:

- i. Calon perlu menghuraikan langkah / usaha / cara menghindari penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah :

Bahan 1 - Keratan akhbar : Definisi penyalahgunaan dadah / jenis-jenis dadah
Bahan 2 - Ilustrasi kartun : Nasihat / Didikan ibu bapa tentang bahaya dadah
Bahan 3 - Poster : Kempen / Ceramah kesedaran penyalahgunaan dadah

- ii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh.
iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan langkah-langkah menghindari penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja – diterima dan diperiksa seperti biasa.
iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
v. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
vi. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**
vii. Format : **TIADA**



BAHAGIAN B
[70 markah]

1. Contoh format penulisan komen :

- T** – menjawab tugas
- I** – relevan, huraian jelas
- B** – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
- P** – menarik dan berkesan

Soalan 1

Huraikan tindakan-tindakan tersebut.

Kehendak / tugas soal

Calon dikehendaki menghuraikan tindakan pelbagai pihak untuk menangani masalah disiplin dalam kalangan murid.

Cadangan jawapan :

- Tindakan ibu bapa
- Tindakan pihak sekolah
- Tindakan pihak kerajaan
- Tindakan media massa (televisyen, akhbar dan media sosial)
- Jawapan lain yang sesuai diterima

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan tindakan pelbagai pihak tetapi aspek yang sama – terima seperti biasa
2. Calon menghuraikan tindakan satu pihak sahaja tetapi pelbagai langkah - Maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon tidak menyatakan mana-mana pihak / secara umum - Maksimum peringkat **BAIK**.
4. Calon menghuraikan peranan satu pihak dan satu langkah - Maksimum peringkat **BAIK**.

Soalan 2

Berdasarkan petikan, huraikan faktor-faktor generasi muda meminggirkan permainan tersebut.

Kehendak / tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan faktor-faktor permainan tradisional dipinggirkan seperti yang terdapat dalam petikan.

- kewujudan permainan digital
- kurangnya pendedahan daripada ibu bapa
- media kurang mempromosikan permainan tradisional

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan luar petikan - Semak seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan idea lain - Maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan idea luar petikan sahaja - Maksimum peringkat **BAIK**.

Soalan 3

Selain persediaan yang terdapat dalam petikan, huraikan persediaan-persediaan menghadapi bencana tersebut.

Kehendak/tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan persediaan-persediaan menghadapi bencana banjir selain yang terdapat dalam petikan.

- Berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS)
- Menyediakan dokumen atau peralatan penting (kad pengenalan, geran tanah, ubat-ubatan)
- Menyediakan bekalan makanan yang mencukupi
- Mematuhi arahan pihak berkuasa
- Jawapan lain yang sesuai diterima

Kemungkinan jawapan

1. Calon menghuraikan idea dalam dan luar stimulus - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
2. Calon menghuraikan idea dalam stimulus sahaja - maksimum peringkat **BAIK**



Soalan 4

Berdasarkan petikan, huraikan manfaat-manfaat teknologi tersebut.

Kehendak / tugas soal

Calon dikehendaki menghuraikan manfaat-manfaat penggunaan teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang terdapat dalam petikan.

- Meningkatkan minat murid untuk belajar
- Memudahkan akses kepada maklumat
- Membantu murid menguasai kemahiran digital yang diperlukan pada masa hadapan.

Kemungkinan jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan luar petikan - Semak seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan idea lain - Maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan idea luar petikan sahaja - Maksimum peringkat **BAIK**.

- Jika calon menulis dalam bentuk poin (Bahagian A dan B) – maksimum peringkat - **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
- Bahagian B
 - Bilangan perkataan 511 dan ke atas – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
 - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat **BAIK**

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan :

1. Puisi	2. Nama Khas	3. Penanda wacana	4. Angka
5. Alamat	6. Peribahasa	7. Tajuk (rencana/ surat)	8. Tarikh
9. Kata Sendi 'di' dan 'ke'		10. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh	
11. Kata Majmuk		12. Kata Ganda	

MARKAH PENUH : 100 MARKAH
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2 : 6 markah

Soalan 3 : 11 markah

Soalan 4 : 4 markah

Soalan 5 : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata kerja pasif yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kerja pasif tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata kerja pasif telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Bil.	Kata Kerja Pasif		Contoh Ayat
1	dilahirkan	-	Setiap manusia dilahirkan dengan kelebihan dan potensi yang tersendiri.
2	dipelajari	-	Amin mengulang kaji semua mata pelajaran yang dipelajari menjelang peperiksaan.
3	disegani	-	Adlan sangat disegani oleh masyarakat sekitar kerana sikapnya yang rajin dan amanah.
4	dikatakan	-	Buah oren dikatakan kaya dengan vitamin C yang baik untuk kesihatan.
5	ditangkap	-	Amar telah ditangkap oleh polis kerana mencuri di pasar raya.

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis – Ayat Majmuk

Perhatian bagi Soalan 2

1. Jawapan mesti berdasarkan ayat-ayat yang terdapat dalam petikan soalan.
2. Berikan 2 markah bagi setiap ayat majmuk yang betul.
3. Jawapan yang diberikan calon tidak lengkap – berikan 0 markah.

Bil.	Ayat Majmuk	Markah
1	Seorang pesara guru bergelar jutawan apabila / setelah memenangi Cabutan Al-Islah, Bank Kerjasama.	2
2	Sebahagian hasil daripada wang kemenangan itu akan disedekahkan kepada sebuah sekolah agama dan diagihkan kepada golongan yang memerlukan.	2
3	Beliau melahirkan perasaan agak terkilan kerana hadiah ini tidak dapat dikongsi bersama-sama isterinya yang telah meninggal dunia pada minggu lalu.	2

[Maksimum : 6 markah]

Perhatian bagi Soalan 3 – Penyuntingan

1. Calon mesti menyenaraikan **KESALAHAN** dan **PEMBETULAN**
2. Terima jawapan calon mengikut peruntukan markah sahaja (Bahan 1 - 6 markah) dan (Bahan 2 - 5 markah) - Gariskan jika jawapan lebih daripada peruntukan markah.

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

1	diisytiharkan	-	diisytiharkan
2	May	-	Mei – M mesti huruf besar
3	di dalam	-	dalam
4	kuat	-	erat / utuh / kukuh
5	adalah	-	ialah
6	mempatuhi	-	mematuhi
7	pembina	-	pembinaan

[Maksimum: 6 markah]

Bahan 2

1	membawakan	-	membawa
2	kerja sama	-	kerjasama
3	sejak dari kecil	-	sejak / dari kecil
4	merasmikan	-	meraikan / merayakan / memeriahkan
5	demi untuk	-	demi / untuk
6	cintakan negara	-	cinta akan negara

[Maksimum: 5 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Seri Betara bertitah, "Wahai Patih Gajah Mada, pergi segera ke Melaka." Kemudian Patih Gajah Mada bersiap / bersedia dan pergi dengan sebuah perahu dan sepuluh orang pengikutnya. Setelah bersedia / bersiap, Kertala Sari berlayar. Setelah beberapa lama, Kertala Sari pun sampai / tiba di Melaka. Dia singgah di luar kota di perkampungan orang / penduduk Jawa.

[Maksimum : 4 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Peraturan Pemarkahan

Modul Perkembangan Pembelajaran 3 (MPP3) SPM 2026

Bahasa Melayu - 1103/2

Soalan 5 – Peribahasa

Perhatian bagi Soalan 5

1. Berikan 1 markah bagi setiap peribahasa yang disenaraikan dengan tepat.
2. Berikan 1 markah bagi setiap peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa yang disenaraikan.
3. Jika calon memberikan jawapan yang lebih, terima hanya tiga jawapan pertama sahaja.

Bil.	Peribahasa dalam Petikan	Markah	Peribahasa yang Sama Maksud atau Hampir Sama Maksud	Markah
1	seperti mencurahkan garam ke laut	1	Seperti mencurahkan air ke daun keladi / Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri / seperti hujan jatuh ke pasir	1
2	keras hati	1	hati batu / keras kepala / degil macam keldai	1
3	menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri	1	Membuka pekung di dada / menconteng arang di muka	1
4	Seperti kaca terhempas ke batu	1	bagai kaca retak seribu / bagai dihiris sembilu / bagai ditusuk duri sembilu / putus harapan	1

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 6

Markah

(i) Maksud *meningkatkan mutu*

- P1 meninggikan / menambahkan / menaikkan kualiti / nilai
P2 meningkatkan kualiti / nilai
P3 meninggikan / menambahkan / menaikkan mutu

2
1
1

[Maksimum : 2 Markah]

(ii) Masalah-masalah
Bahan 1

- P1 kekangan kewangan dan penajaan.
P2 kekurangan jurulatih tempatan yang berkecualan serta kepakaran teknikal yang masih terhad.
P3 Kebanyakan persatuan sukan bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan atau sumbangan pihak swasta yang tidak konsisten

Bahan 2

- P4 masalah ketandusan atlet pelapis untuk beberapa jenis sukan.
P5 kerenah birokrasi [sehingga menghancurkan masa depan atlet muda berbakat]

Bahan 3

- P6 kekurangan infrastruktur dan fasiliti sukan yang mencukupi

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iii) Punca-punca

- P1 sikap masyarakat yang tidak minat untuk bersukan / malas
P2 sibuk dengan urusan masing-masing
P3 kekurangan / tiada kemudahan / gelanggang / padang
P4 leka dengan teknologi
P5 kurang kesedaran untuk bersukan / bersukan dianggap membazir masa dan tenaga
P6 kurang kempen kesedaran bersukan
P7 kurang galakan untuk bersukan
P8 risau akan kecederaan

[Maksimum : 3 Markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan

- P1 menasihati rakan untuk bersukan
P2 membeli / menghadiahkannya buku-buku sukan atau peralatan sukan
P3 membawa / menonton perlawanan / kejohanan sukan
P4 mengajak rakan menyertai aktiviti sukan
P5 membawanya berjumpa dengan tokoh sukan / atlet yang berjaya
P6 menerangkan kelebihan bersukan
P7 meminta bantuan ibu bapa / guru / kaunselor

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

Markah

(i) Ketakutan yang sentiasa membayangi

P1 takut ditangkap PGA

P2 takut diserbu polis

P3 takut tauke mungkir janji

1

1

1

[Maksimum : 2 Markah]

(ii) Akibat

Bahan 1

P1 tidak akan membawa keberkatan

P2 Ia akan ditarik balik dalam bentuk lain, mungkin dari segi kesihatan.

P3 kehilangan ketenangan jiwa

P4 sentiasa dibayangi rasa takut

P5 Tuhan telah menutup pintu rezeki haram itu

Bahan 2

P6 Kekayaan tidak menjamin kebahagiaan / keamanan

[Biar kaya tiada aman]

P7 Memudaratkan / memusnahkan / merosakkan diri

[kelak merana memakan diri]

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum : 3 Markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Punca-punca

P1 Tekanan hidup / kewangan / hutang

P2 Tamak / Inginkan kemewahan / cepat kaya

P3 Terdesak untuk mendapatkan wang dengan cepat

P4 Kurang pegangan agama / moral

P5 Penguatkuasaan undang-undang lemah

P6 Pengaruh persekitaran / ada peluang melakukan rasuah / kedudukan / jawatan / pangkat

P7 Pengaruh pasangan / keluarga

[Maksimum : 3 Markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Cadangan-cadangan

P1 bertaubat / insaf / membaiki diri

P2 tidak terlibat dengan gejala negatif

P3 mencari pekerjaan yang halal

P4 mendapatkan sokongan keluarga atau pihak berwajib

P5 meningkatkan ilmu agama

P6 menjauhkan diri daripada rakan atau pihak yang mendorong ke arah perkara negatif

P7 berkongsi masalah

P8 menyerah diri / mengakui kesalahan diri

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

(i) Kesan-kesan

- P1 orang Melayu miskin di tanah air sendiri
- P2 mereka mengaut hasil kekayaan negara kita lalu dibawa pulang ke negara mereka
- P3 Inggeris tidak membenarkan orang-orang Melayu mengusahakannya.
- P4 orang putih menjadi pelombong emas
- P5 orang Melayu dibiarkan duduk di kampung menjadi penanam padi dan penoreh getah

[Isi cukup : 3 isi]
[Maksimum: 4 markah]

8(ii) Panduan Pemarkahan bagi Soalan 8 (ii)

- (a) Jawapan hendaklah berdasarkan dua buah novel seperti yang dinyatakan pada arahan soalan.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi peristiwa yang menyentuh hati pembaca yang betul.
- (d) Berikan 1 markah bagi setiap huraian yang betul bagi peristiwa yang menyentuh hati pembaca tersebut.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan sebab).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara menyeluruh
 - 1. Baik : 2 markah
 - 2. Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 6 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

(ii) Peristiwa yang menyentuh hati pembaca

Novel Pantai Kasih

1.	Peristiwa Doktor Raiha mempertahankan kandungannya walaupun dipaksa oleh suaminya Doktor Sadiz untuk menggugurkannya kerana bayi dalam kandungannya mengalami kecacatan Sindrom Down. Huraian: Peristiwa ini menyentuh hati pembaca kerana seorang ibu sanggup melawan suaminya demi kasih sayang yang begitu mendalam terhadap zuriatnya.
2.	Peristiwa Unong Siron yang tabah menjalani pembedahan penggantian sendi tulang pinggul kali keenam oleh Doktor Raiha, berjaya walaupun pembedahan sebelumnya menemui kegagalan. Huraian : Peristiwa ini menyentuh hati pembaca kerana ketabahan seorang pesakit yang sanggup menanggung kesakitan akibat pembedahan berulang kali untuk sembuh.
3.	Peristiwa Doktor Raiha dan kakitangan Pusat Rawatan Pantai Kasih yang berjaya menjalankan pembedahan terhadap Doktor Uwang yang cedera akibat kemalangan merempuh tembok Pusat Rawatan Pantai Kasih. Huraian : Peristiwa ini menyentuh hati pembaca kerana kegigihan seorang doktor merawat pesakit bersama pasukannya sehingga berjaya walaupun pesakit tersebut pernah melukakan hatinya.
4.	Peristiwa kematian anak tunggal Doktor Raiha, Rohayu dalam kebakaran kereta yang disengajakan oleh suaminya, Doktor Sadiz. Huraian : Peristiwa ini menyentuh hati pembaca kerana kesedihan seorang ibu yang telah kehilangan anak tunggalnya.
5.	Peristiwa Sister Felicia Landosi mengambil ubat batuk di bilik farmasi PRPK bagi menghilangkan tekanan yang dialaminya. Huraian / Ulasan: Peristiwa ini menyentuh hati pembaca kerana kehidupan seseorang yang berlaku menyebabkannya mengambil barang terlarang untuk melupakan keperitan hidupnya.
Peristiwa yang menyentuh hati pembaca yang lain boleh diterima sekiranya relevan	

Novel Bimasakti Menari

1.	Peristiwa pada hari pertama Nurul Hafsa bertugas sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, dia kecewa kerana kumpulan pencerap cilik amatir dari Jepun serta pengiring mereka tidak dapat melihat bintang kerana langit di Kuala Selangor terlalu cerah akibat pencemaran cahaya. Huraian : Peristiwa ini menyentuh hati pembaca kerana kekecewaan seorang petugas yang tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik pada hari pertama kerjanya.
2.	Peristiwa Tan Sri Muhaimin meminta Muhammad Taufik mengikut ibunya ke Otago, New Zealand demi keselamatannya. Muhammad Taufik akur dengan kehendak ibu bapanya itu. Huraian : Peristiwa ini menyentuh hati pembaca kerana seorang anak akur dengan permintaan ayahnya walaupun hatinya berat untuk berbuat demikian.
3.	Peristiwa Muhammad Taufik dipukul oleh orang suruhan Dato' Johann Arlington Majid atas sebab dendam peribadi dan perniagaan. Huraian : Peristiwa ini menyentuh hati pembaca kerana seseorang yang tidak bersalah menjadi mangsa akibat persengketaan dan dendam.
4.	Peristiwa Budiman sentiasa menemani adiknya, Nurul Hafsa ketika bertemu dengan Muhamad Taufik atas urusan kerja. Huraian : Peristiwa ini menyentuh hati pembaca kerana seorang abang sanggup berkorban masanya demi menemani adiknya agar tidak menimbulkan fitnah.
5.	Peristiwa Nurul Hafsa membuat kajian dan menghantar laporan tentang tahap kecerahan langit di Kuala Selangor kepada Majlis Daerah Kuala Selangor untuk diambil tindakan selanjutnya. Malangnya, laporan kajian tersebut ditolak kerana Puan Foziah mengatakan tidak ada apa-apa undang-undang alam sekitar yang dilanggar di Kuala Selangor. Huraian : Peristiwa ini menyentuh hati pembaca kerana hasrat seorang insan yang ikhlas melestarikan alam sekitar tidak diambil berat oleh pihak atasan.
Peristiwa yang menyentuh hati pembaca yang lain boleh diterima sekiranya relevan.	



BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- | | | |
|------------|---|-----------|
| (a) Isi | – | 20 markah |
| (b) Bahasa | – | 10 markah |

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - nama khas / peribahasa
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Pendahuluan [2 markah]

Markah

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | ... membincangkan peranan-peranan / tanggungjawab-tanggungjawab / tugas-tugas / fungsi-fungsi guru dan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara / inisiatif-inisiatif memartabatkan / memperkasakan kerjaya / profesion guru | 2 |
| P2 | ... membincangkan peranan-peranan / tanggungjawab-tanggungjawab / tugas-tugas / fungsi-fungsi guru | 1 |
| P3 | ... membincangkan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara / inisiatif-inisiatif memartabatkan / memperkasakan kerjaya / profesion guru | 1 |

Isi [16 markah]

FOKUS 1 : peranan-peranan / tanggungjawab-tanggungjawab / tugas-tugas/ fungsi-fungsi

Bahan 1

- | | | |
|----|--|---|
| A1 | pelaksana agenda pendidikan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan | 2 |
| A2 | memikul tanggungjawab strategik sebagai pembina modal insan | 2 |
| A3 | membentuk cara manusia berfikir | 2 |
| A4 | bertanggungjawab mengasah pemikiran murid untuk membezakan antara fakta dengan propaganda. | 2 |

Bahan 3

- | | | |
|----|--|---|
| B1 | membentuk jati diri murid | 2 |
| B2 | memupuk perpaduan dalam kalangan murid | 2 |

FOKUS 2 : langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara / inisiatif-inisiatif

Bahan 1

- | | | |
|----|--|---|
| C1 | pihak kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kebajikan guru dengan menyediakan laluan khas kenaikan pangkat kepada semua guru | 2 |
| C2 | media massa [pula] memainkan peranan dengan menyiarkan program yang menonjolkan pengorbanan dan kejayaan guru | 2 |

Bahan 2

- | | | |
|----|---|---|
| D1 | Kursus Google Certified Educator (GCE) secara percuma untuk semua guru | 2 |
| D2 | Peruntukan tambahan RM100 juta untuk menaik taraf bilik guru di sekolah | 2 |
| D3 | Program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) khas untuk guru yang mengajar di pedalaman bagi menyambung pelajaran | 2 |

Peraturan Pemarkahan**Modul Perkembangan Pembelajaran 3 (MPP3) SPM 2026**

Bahasa Melayu - 1103/2

Bahan 3

E1 guru-guru melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu baharu 2

Kesimpulan [2 markah]

K1 Kesimpulannya, guru perlu memainkan peranan agar dapat melahirkan murid yang cemerlang. 2

K2 Kesimpulannya, kerjaya / profesion guru perlu dimartabatkan / diperkasakan agar dapat meningkatkan kecemerlangan pendidikan. 2

K3 Kesimpulannya, guru perlu memainkan peranan / kerjaya / profesion guru perlu dimartabatkan / diperkasakan. 1

K4 Kesimpulannya, kerjaya / profesion guru perlu dimartabatkan / diperkasakan. 1

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

CARA PENULISAN MARKAH

P	
A	
B	
C	
D	
E	
K	
I	
B	
J	